## ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
## BILANGAN 4/1970.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah , Kemaman.
Pemungut hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.
Pemungut Hasil Tanah,Besut.

Rancangan tanah Terkawal (Tanpa Bantuan) Negeri Terengganu.

Berhubung dengan perkara di atas, adalah didapati bahawa ada peserta-peserta yang memiliki Rancangan Tanah Terkawal (Tanpa Bantuan) telah menjelaskan bayaran-bayaran yang dikenakan kepada mereka, dan haruslah peserta-peserta ini berkehendakkan Suratan hakmilik bagi kegunaan dan simpanannya. Oleh yang demikian bagi daerah-daerah yang belum lagi mengeluarkan Suratan Hakmilikini, maka tuan bolehlah mengeluarkan kepada peserta-peserta yang memohon suratan tersebut. Pengeluaran Suratan Hakmilik ini hanya lah kepada mana-mana Rancangan Tanah Terkawal (Tanpa Bantuan) yang telah selesai ukuran halusnya.

2. Bagi merengkaskan kerja tuan bolehlah mengeluarkan Mukim Geran kepada peserta-peserta Rancangan Tanah Terkawal (Tanpa Bantuan) ini tanpa terlebih dahulu mengeluarkan Suratan Hakmilik Sementara (Q.T.) sekiranya syarat-syarat yang dinyatakan diperenggan 1 di atas telah disempurnakan.

Sekianlah bagi makluman dan perjalanan tuan selanjutnya.

t.t.
(Dato' Mohamad bin Ibrahim)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

Bil. (51) dlm. P.T.&.G.TR. (PLB) 27/65.

s.k.
Yang Berhurmat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Kuala Terengganu, 16hb. April, 1970.